

# Penilaian Produk Pelancongan Berasaskan Cabaran (PBC) di Daerah Tanjung Malim, Perak

Siti Zubaidah Nur Bt Marthuan @ Che Wan

**Abstrak** -- Matlamat utama kajian ini adalah mengenalpasti, menyenarai dan mempromosikan lokasi berpotensi untuk dijadikan produk Pelancongan Berasaskan Cabaran (PBC) di Tanjung Malim. Bagi mencapai matlamat kajian, pengkaji telah menggunakan kaedah analisis dokumen, temubual dan kajian lapangan bagi mengenalpasti kawasan PBC yang berpotensi di sekitar 20km radius dari Tanjung Malim. Seterusnya prestasi setiap kawasan dianalisis menggunakan kaedah *Importance Performance Analysis* (IPA) untuk mengenalpasti kekuatan dan keperluan penambahbaikan setiap lokasi. Kaedah *mapping* digunakan bagi membina sebuah pelan lokasi PBC yang terdapat di sekitar 20km radius dari Tanjung Malim. Data daripada analisis dokumen, temubual dan kajian lapangan mendapati bahawa Tanjung Malim mempunyai potensi yang besar untuk dibangunkan sebagai lokasi PBC. Kajian ini mendapati tujuh buah lokasi yang berpotensi untuk dimajukan sebagai kawasan PBC iaitu 1) Air Terjun Strata, 2) Sungai Dara, 3) Sungai Bil, 4) Kolam Air Panas Ulu Slim, 5) Tumang Resort, 6) Tasik Ydp, 7) Taman Tasik Embayu (Proton City). Seterusnya Analisis IPA menemui beberapa kekuatan lokasi ini untuk dibangunkan sebagai lokasi PBC iaitu: 1) tarikan semulajadi, 2) alam semulajadi yang masih terpelihara, dan 3) aktiviti PBC yang pelbagai. Selain itu, Analisis IPA juga menemui beberapa kekurangan. Kekurangan yang perlu diperbaiki bagi menjadikan lokasi tersebut sebagai tarikan pelancongan tersebut adalah: 1) infrastruktur yang tidak mencukupi, 2) promosi yang kurang, dan 3) akses yang lemah. Berdasarkan dapatan ini, pengkaji telah mengemukakan pelbagai cadangan penambahbaikan pembangunan produk PBC di Tanjung Malim. Dapatan kajian ini dapat diaplikasikan oleh pihak yang terlibat seperti Majlis Daerah Tanjung Malim dan Kementerian Pelancongan Negeri Perak bagi membangunkan produk PBC di Tanjung Malim.

**Kata Kunci** – Produk Pelancongan Berasaskan Cabaran (PBC), Kaedah *mapping*, Analisis IPA

## I. PENGENALAN

Menurut Mason (2003), pelancongan merupakan satu kajian tentang manusia daripada habitat asalnya yang mana memberi reaksi kepada industri dan kehendaknya serta memberi impak terhadap sosial, ekonomi dan persekitaran fizikal.

Pelancongan berasaskan cabaran/pegembaraan telah ditakrifkan dalam pelbagai istilah (Bentley & Walker, 2005). Secara amnya, ianya membawa maksud petunjuk kepada pelancongan komersial di mana tarikan utamanya adalah sesuatu aktiviti yang bergantung kepada ciri-ciri muka bumi semula jadi, kebiasaannya memerlukan peralatan yang khusus, dan menarik kepada pelancong. Oleh kerana sifat pelancongan berasaskan pegembaraan

dan cabaran ini begitu pelbagai, maka peserta akan menonjolkan pelbagai motif (Swarbrooke, 2003).

Definisi pelancongan kembara dan motivasi yang sepatutnya adalah untuk pengalaman pelancongan pegembaraan yang menumpukan kepada pelbagai risiko bahaya dan adrenalin. Risiko dan bahaya yang berkaitan dengan potensi untuk kecederaan dan juga kerugian. Pelancongan yang lain pula menunjukkan sebaliknya iaitu untuk keseronokan, acara yang menarik dan pengalaman yang selamat. (Kane, Maurice dan Tucker, 2004).

Pelancongan berasaskan cabaran adalah merupakan suatu aktiviti masa lapang yang berlaku di destinasi yang bukan dari destinasi kebiasaannya, eksotik, jauh atau di hutan rimba. Ianya cenderung dikaitkan dengan tahap aktiviti yang tinggi oleh peserta, kebanyakannya aktiviti di luar. Pelancong berasaskan cabaran menjangkakan diri mereka akan mengalami pelbagai peringkat risiko, kegembiraan dan ketenangan serta akan diuji secara peribadi. Secara amnya, mereka merupakan peneroka kepada bahagian-bahagian eksotik yang belum terusik di mukabumi ini dan juga mencari cabaran peribadi. (Novelli, 2005).

Malaysia mempunyai pelbagai sumber alam dan sumber budaya yang unik dan menarik yang dapat dibangunkan sebagai produk-produk pelancongan (Badaruddin, 2003). Antaranya termasuklah destinasi pelancongan alam semulajadi dan eko-pelancongan, pelancongan berasaskan pertanian, program tinggal bersama keluarga, pelancongan warisan dan budaya, pendidikan, hiburan, kesenian, persidangan, insentif, konvesyen dan pameran (MICE), acara sukan antarabangsa dan aktiviti membeli-belah serta rekreasi (Kerajaan Malaysia, Rancangan Malaysia ke-9).

Malaysia juga merupakan sebuah negara yang masih kaya dengan keindahan alam semulajadi yang turut dikenali dengan keindahan flora dan faunanya. Berikutan hal ini, salah satu cabang atau aspek pelancongan yang perlu kerajaan berikan juga tumpuan serta perhatian yang khusus untuk tujuan pembangunan secara bersepadu adalah pelancongan kembaraan atau cabaran (adventure tourism). Hal ini adalah kerana pelancongan berasaskan pegembaraan dan cabaran ini memerlukan pelancong-pelancong melibatkan diri mereka dalam sesuatu aktiviti, sekaligus hal ini akan menyebabkan mereka terlibat terus secara langsung dengan alam persekitaran yang terbabit. Pelancongan berasaskan pegembaraan ini juga dapat membantu negara dalam mengekalkan serta memelihara alam sekitar berbanding aktiviti pelancongan dalam bentuk yang lain.

Di negara kita Malaysia, masih banyak lagi bentuk aktiviti pelancongan berasaskan cabaran (PBC) yang masih lagi belum diterokai serta di promosikan dengan baik, malahan negara kita masih mempunyai banyak tempat yang berpotensi besar untuk dimajukan sebagai satu destinasi

pelancongan berasaskan cabaran. Tanjung Malim, Perak merupakan salah satu destinasi pelancongan berasaskan cabaran yang masih ramai belum ketahui serta menyedari kewujudannya di negara kita.

## II. OBJEKTIF

Objektif utama kajian lapangan di Tanjung Malim, Perak ini adalah seperti berikut:-

- i. Mengenal pasti lokasi untuk aktiviti pelancongan berasaskan cabaran sekitar radius 20km di Tanjung Malim.
- ii. Membuat prototaip laluan pelancongan berasaskan cabaran di kawasan yang terpilih di Tanjung Malim.
- iii. Membentuk satu maklumat atau pendokumentasian berkaitan lokasi yang berpotensi untuk dibangunkan sebagai lokasi pelancongan berasaskan cabaran (PBC) dengan maklumat koordinat latitud dan longitud lokasi.
- iv. Mencadangkan aktiviti pelancongan berasaskan cabaran (PBC) yang sesuai untuk dilaksanakan di kawasan PBC yang dikenal pasti dalam kajian ini.

## III. SOROTAN LITERATUR

Pelancongan berasaskan cabaran dan pengembaraan telah ditakrifkan dalam pelbagai istilah (Bentley & Page, 2001; Buckley, 2000; Hudson, 2002; Walker, 2005; Swarbrooke, 2003). Secara amnya, ianya membawa maksud petunjuk kepada pelancongan komersial di mana tarikan utamanya adalah sesuatu aktiviti yang bergantung kepada ciri-ciri muka bumi semula jadi, kebiasaannya memerlukan peralatan yang khusus, dan menarik kepada pelancong.

Buckley (2007), menyatakan bahawa produk pelancongan pengembaraan sehingga kini masih belum diberi serta mendapat perhatian yang serius daripada penyelidik untuk dijalankan satu analisis yang lebih mendalam. Menurut Bucker juga, kerangka teoritik yang telah ada bagi memahami pelancongan pengembaraan ini terhasil hampir sepenuhnya daripada literatur rekreasi di luar rumah dan pendidikan dengan hanya terlalu sedikit analisis ke atas produk komersial pelancongan pengembaraan. Antara beberapa faktor utama yang menyebabkan kepada situasi ini berlaku adalah disebabkan kekaburan dalam definisi serta konsep antara pelancongan pengembaraan, eko-pelancongan, rekreasi di luar rumah, dan pelancongan alam semulajadi (Newsome, Moore & Dowlin, 2004).

Swarbrooke, (2003) telah menjelaskan bahawa pelancongan yang berasaskan pengembaraan ini melibatkan aktiviti perjalanan dan rekreasi yang digabungkan bagi menghasilkan satu pengalaman dalam kembaraan yang menghasilkan satu keseronokan disamping beberapa bentuk emosi yang lain.

Rekreasi berasaskan cabaran dikelaskan sebagai pelancongan alternatif didalam cabang pelancongan. Menurut Newsome et.al (2004), rekreasi berasaskan cabaran adalah berfokus kepada aktiviti didalam kawasan semulajadi samada didarat, air dan udara.

Kajian terkini yang telah dijalankan oleh Xola (2007) menunjukkan bahawa terdapatnya corak peningkatan minat yang tinggi dalam pasaran global untuk aktiviti pelancongan kembaraan pada usia yang jauh lebih muda dan sanggup membelanjakan wang yang besar untuk tujuan tersebut. Pelancongan kembaraan yang berasaskan pakej keluarga juga mula mendapat perhatian khusus di samping pakej yang mempunyai atur-lawat (itineraries) yang seragam. Rantau Eropah Timur dan Asia Pasifik pula dijangkakan akan menjadi destinasi pelancongan berasaskan kembaraan yang popular.

Menurut Newsome et al. (2004), pelancongan yang berasaskan pegembaraan, eko-pelancongan, dan pelancongan hidupan liar berada di bawah pelancongan alam semula jadi. Bagi kefahaman yang lebih serta sebagai rumusan apakah itu pelancongan yang berasaskan alam semula jadi pengkaji harus memahami tiga hubungan yang boleh berlaku di antara persekitaran semulajadi, dan pengunjung, (Newsome et al, 2002). Jadi sebarang pelancongan yang berasaskan atau berpusat pada persekitaran alam semulajadi, akan dipertimbangkan sebagai 'pelancongan alam semulajadi'.

Infrastruktur awam adalah merupakan faktor utama dari segi pembangunan destinasi dan pembangunan industri pelancongan kecil (Goeldner et al, 2000). Memandangkan Malaysia merupakan sebuah negara yang membangunkan industry pelancongan, ia menghasilkan kesan yang ketara ke atas sistem sosial. Jika Malaysia mahu industri pelancongan berjaya, ianya memerlukan infrastruktur awam yang sesuai untuk mempertingkatkan pembangunan pelancongan (Cheuk, 2010).

## IV. METODOLOGI

Kajian ini adalah merupakan kajian yang berbentuk kualitatif. Kajian kualitatif ini digunakan kerana ia lebih bersesuaian dengan objektif kajian yang akan berinteraksi secara terus dengan lokasi kajian lapangan serta dianalisis secara deskriptif.

Menurut Bryman and Burgess (2004), kaedah kualitatif telah mula diterima dalam kajian kehidupan sosial bagi tempoh dua (2) dekad yang lepas. Beliau turut menyatakan buat masa ini, pengkaji-pengkaji kajian sosial adalah lebih cenderung memilih kajian berasaskan kualitatif sebagai strategi kajian terperinci yang mana membolehkan teori-teori dikemukakan dari kajian. Oleh itu, adalah perlu kaedah kualitatif digunakan bagi kajian ini. Ini kerana kaedah ini dirasakan berkesan oleh pengkaji untuk mengenalpasti produk-produk yang berpotensi untuk dimajukan dalam sektor pelancongan yang berasaskan kembaraan dan cabaran di Tanjung Malim.

### **Kaedah Pengumpulan Data**

Sumber data bagi kajian penyelidikan ini pengkaji bahagikan kepada tiga kaedah pengumpulan data iaitu:-

- 1) Data Primer- Kajian Lapangan (Pemerhatian turut serta dan Pemerhatian tidak turut serta)
- 2) Data Sekunder - Kajian Perpustakaan/Literatur/Majlis Daerah Tanjung Malim
- 3) Temubual Separa Berstruktur

Kaedah persampelan dalam kajian ini adalah dengan menyenaraikan kesemua tempat yang telah dikenal pasti sebagai produk pelancongan berasaskan cabaran yang terdapat di Tanjung Malim. Pengenalpastian lokasi PBC yang berpotensi ini diperolehi daripada hasil temu bual bersama wakil MDTM dan wakil Pengusaha pelancongan tempatan. Data atau maklumat daripada data sekunder diperolehi daripada Majlis Daerah Tanjung Malim, jurnal kajian lampau, Perpustakaan Tuanku Bainun dan temubual semi struktur. Kajian ini melibatkan temubual awal yang telah dilakukan dengan dua orang yang telah dipilih dan berupaya dalam mengenalpasti lokasi PBC yang berpotensi untuk dimajukan di Tanjung Malim.

### **Kaedah Analisis Data**

Dalam menganalisis data, pengkaji menggunakan teknik 'perbandingan berterusan' atau constant comparative analysis (Glesne 2006) bagi menentukan kategori yang paling sesuai dengan konstruk dalam objektif kajian. Dalam kajian ini, pengkaji bukan sahaja membandingkan data antara pelbagai sumber tetapi juga antara peserta kajian bagi mendapatkan kategori dan tema yang sesuai. Teknik ini dijalankan dengan bantuan perisian Nvivo8 untuk mengurus, memproses data iaitu transkripsi, organisasi data, pelaziman (membiasakan diri dengan data), koding, tema, demonstrasi kebolehppercayaan dan kesahan, dan laporan (Dayang et al t.t).

Proses mentranskripsi atau menyalin data merupakan langkah pertama dalam proses penganalisan data. Data-data yang telah dikutip dalam bentuk rakaman audio, dan video serta catatan kerja lapangan ditranskripsikan dengan terperinci secara verbatim iaitu perkataan demi perkataan. Pengkaji menggunakan perisian transcriber Sony Digital Zvoice Editor 3 dalam mentranskripsi data. Transkripsi perlu dilakukan secara menyeluruh tanpa meninggalkan apa sahaja yang diujarkan atau diperhatikan kerana setiap perkataan dan gerak laku mengandungi makna. Bagi kajian lapangan yang melibatkan alam semula jadi data perlu di catat sejelasnya agar pengkaji lebih memahami mengenai lokasi kajian. Setelah selesai transkripsi, satu salinan telah dihantar kepada peserta sebagai langkah pengesahan dan kebolehppercayaan data sebagaimana yang dinyatakan oleh Merriam (2009) iaitu data bermakna merupakan data yang telah melalui proses reduksi dan interpretasi oleh subjek kajian.

Seterusnya, bagi mengenal pasti lokasi PBC berdasarkan ciri-ciri yang telah dikenal pasti pengkaji

menggunakan Importance-Performance Analysis (IPA) yang dipelopori oleh Martilla dan James (1977). Ianya merupakan satu kaedah yang menekankan kepada kepelbagaian ciri-ciri. Melalui kaedah ini, ianya berdasarkan kepada andaian bahawa sesebuah industri boleh meningkatkan kejayaannya dengan memastikan ia boleh mencapai prestasi (pencapaian) yang baik di dalam ciri-ciri yang dianggap penting. Dalam kaedah ini juga, ianya membolehkan pengkaji melakukan penilaian terhadap ciri-ciri yang penting dalam membangunkan sesuatu tarikan pelancongan dan seterusnya dapat memastikan ianya boleh mencapai prestasi yang baik.

Kaedah ini dipilih oleh pengkaji kerana melalui IPA pengkaji akan dapat mengenal pasti produk yang telah dikaji itu berpotensi untuk dibangunkan sebagai destinasi pelancongan berasaskan cabaran (PBC) di Tanjung Malim atau sebaliknya. Kaedah analisis ini ditentukan dengan menggunakan kepelbagaian ciri-ciri. Bagi menentukan lokasi PBC yang berpotensi hasil daripada pemerhatian serta kajian lapangan oleh pengkaji ini berada pada prestasi serta kepentingan ditahap yang tinggi atau rendah pengkaji telah menetapkan empat (4) ciri yang perlu dinilai dan dilihat bagi menentukan lokasi tersebut berada pada kuadran yang mana. Antara empat ciri yang digunakan untuk menilai potensi produk PBC di Tanjung Malim adalah seperti berikut:-

- 1) Infrastruktur
- 2) Halangan
- 3) Promosi
- 4) Tarikan Aktiviti Cabaran

## **V. HASIL KAJIAN**

### **Penghasilan Kajian Lapangan (Peta Lokasi PBC)**

Penghasilan peta lokasi PBC ini pengkaji lakukan dengan menggunakan bantuan data yang diambil dan ditanda oleh pengkaji menggunakan alat GPS lalu dikeluarkan koordinat yang ditanda. Kemudian pengkaji menghasilkan peta lokasi dengan menggunakan perisian seperti CorelDraw, dan Google Earth. Peta yang telah siap telah disimpan bagi tujuan pendokumentasian. Penghasilan peta lokasi adalah seperti berikut:

- i) Strata Waterfall
- ii) Sungai Dara dan Sungai Bil
- iii) Taman Tasik Embayu Proton City
- iv) Taman Tasik YDP
- v) Kolam Air Panas Ulu Slim dan Tumang Resor

JADUAL I. ANALISIS IPA KESELURUHAN

Bil	Item	K.A.P. U.Slim	Sg Dara	Sg Bul	T. Resort	Tsk P.City	A.T. Strata	T.Tsk YDP	Catatan
1	Ciri Semulajadi	Q2	Q2	Q2	Q2	Q2	Q2	Q2	
2	Populanti	Q1	Q1	Q2	Q1	Q2	Q1	Q2	
3	Akses	Q2	Q1	Q2	Q1	Q2	Q3	Q3	
4	Promosi	Q1	Q1	Q2	Q1	Q2	Q1	Q1	
5	Infrastruktur	Q1	Q2	Q1	Q1	Q1	Q3	Q1	
6	Khidmat Sampingan	Q2	Q4	Q1	Q1	Q2	Q3	Q1	
7	Risiko	Q2	Q3	Q4	Q2	Q2	Q4	Q4	
8	Aktiviti	1	6	7	5	6	8	9	
9	Lain-Lain								

- Q1 - Kepentingan tinggi, prestasi rendah
- Q2 - Kepentingan tinggi, prestasi tinggi
- Q3 - Kepentingan rendah prestasi tinggi
- Q4 - Kepentingan rendah, prestasi rendah



Rajah 5. Kolam Air Panas Ulu Slim dan Tumang Resort

VI. PERBINCANGAN

Terdapat beberapa lokasi yang telah dikenalpasti untuk dimajukan sebagai PBC di Tanjung Malim. Namun demikian, terdapat beberapa limitasi yang kita lakukan iaitu memilih lokasi yang hanya dalam lingkungan 20km sahaja dari Tanjung Malim. Terdapat banyak lokasi yang menarik di Tanjung Malim namun keupayaan dalam PBC tidak begitu menyerlah dan ketara. Contohnya seperti Tasik YDP. Tasik YDP merupakan satu lokasi yang amat sesuai untuk pelancong, pelawat atau pelancong tempatan datang berkunjung untuk melakukan aktiviti riadah seperti bersenam dan bersiar-siar. Hal ini kerana disana terdapat peralatan untuk melakukan senaman yang lengkap. Namun lokasi tersebut dilihat kurang berkemampuan untuk dijadikan lokasi untuk melakukan aktiviti yang mencabar. Walau apa pun lokasi itu masih dilihat mampu menarik pelancong PBC kerana terdapat kolam atau tasik yang sesuai untuk dijadikan pusat aktiviti riadah seperti berkanayak. Disebabkan peralatan yang sesuai untuk aktiviti berkanayak di Tasik YDP tidak ada maka prestasinya untuk daya tarikan PBC menjadi rendah. Antara cadangan yang boleh dilakukan adalah dengan menggunakan peralatan sendiri untuk berkanayak di sana.

Tanjung Malim mempunyai daya tarikan semulajadinya yang tersendiri. Tanjung Malim dilihat berpotensi untuk dimajukan sebagai PBC kerana faktor semulajadinya yang masih terpelihara. Terdapat banyak sungai-sungai yang masih terpelihara dan cantik airnya. Pelbagai aktiviti-aktiviti PBC mampu dilakukan namun seperti yang diperjelaskan oleh responden temubual dan pemerhatian pengkaji sendiri pelbagai aspek perlu dititik beratkan andai mahu Tanjung Malim menjadi lokasi PBC. Antara aspek yang perlu dilihat adalah aspek kemampuan Tanjung Malim sendiri dari segi menyediakan pelbagai kemudahan kepada pelancong PBC. Pelbagai kemudahan ini memerlukan dana yang sangat besar bagi merealisasikan impian yang mahukan Tanjung Malim menjadi lokasi pilihan di negeri Perak sebagai lokasi untuk melakukan aktiviti-aktiviti PBC.

VII. KESIMPULAN

Daripada hasil kajian yang telah dibuat, pengkaji telah membuat kesimpulan bahawa Produk Pelancongan berasaskan cabaran (PBC) ini sememangnya berpotensi untuk di majukan di Tanjung Malim. Walaupun asas



Rajah 1. Strata Waterfall



Rajah 2. Sungai Dara dan Sungai Bil



Rajah 3. Taman Tasik Embayu @ Tasik Proton City



Rajah 4. Taman Tasik YDP

kepada daya tarikan PBC ini melibatkan alam sekitar atau alam semula jadi namun prasarana dan kemudahan infrastruktur yang lain perlu ada bagi menjadikan daya penarik untuk pengunjung datang ke Tanjung Malim bagi tujuan PBC amnya.

Secara keseluruhannya, pengkaji lihat yang menjadi faktor kepada berpotensinya sesuatu lokasi di Tanjung Malim sebagai lokasi PBC adalah datangnya dari faktor dalaman Tanjung Malim ini sendiri yang melibatkan kerajaan tempatan, MDTM serta masyarakat setempat dan faktor luaran yang datangnya daripada pihak luar seperti NGO, orang perseorangan dan pihak swasta. Oleh itu, kerjasama antara kedua-dua pihak iaitu pihak dalaman serta pihak luaran amat perlu bagi memajukan serta mengkomersialkan Tanjung Malim sebagai lokasi pilihan untuk PBC. Selain itu, aspek yang perlu diberikan penumpuan yang lebih agresif adalah aspek promosi serta pemasaran. Promosi serta pemasaran yang baik dapat mempromosikan Tanjung Malim sebagai tarikan PBC.

#### RUJUKAN

- Addison, G. (1999). Adventure tourism and ecotourism: In (J.C.Miles and S.Priest eds), Adventure Programming, 2nd edn. pp. 415-430. Venture Publishing.
- Bentley, T. and Page,S.J. (2008). A decade of injury monitoring in the New Zealand adventure tourism sector: Asummary risk analysis. Tourism Management, 29(5), pp. 857-869.
- Bentley , T, and Walker, L. (2005). Scoping the nature and extent of adventure tourism operations in Scotland: now safe are they? Tourism Management. 26, pp. 281-397.
- Buckley, R. (2006). Adventure Tourism. UK: Wallingford Cabi Publishing.
- Buckley, R. (2007). Adventure tourism products: Price, duration, size, skill, remoteness, Tourism Management, 29, No. 5, pp. 857-869.
- Chua.Y.P. (2006). Kaedah Penyelidikan. Kuala Lumpur: Mc.Graw Hill. Sdn Bhd.
- Creswell, J.W. (2009). Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods Approaches. (3rd ed). Los Angles: Sage.
- Dayang Hajah Tiawa bt Awang Haji Hamid, Abdul Hafidz Haji Omar, & Rio Sumarni
- Sariffudin. (t.t) Aplikasi Perisian Nvivo Dalam Analisis Data Kualitatif. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai. Atas talian [http://eprints.utm.my/2220/1/p24.Dayang\\_Hjh\\_Tiawa.pdf](http://eprints.utm.my/2220/1/p24.Dayang_Hjh_Tiawa.pdf)
- Gay, L.R., Mills, G.E. and Airasian, P. (2006). Education Research: Competencies for Analysis and Application (8th. Ed). Upper Saddle River, NJ: Prentice Hall.
- Honey, M. (1999). Ecotourism and Sustainable Development. Who owns Paradise?Island Press : Washington D.C. pp.293-338.
- Inskeep, E. (1999). Tourism Planning: An Integrated and Sustainable Developmen Approach. New York. Van Nostrand Reinhold.
- Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia. (2011). Tourism Satellite Account (2000- 2010). Kuala Lumpur: Cetakan Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Majlis Daerah Tanjung Malim. (2011). Latar Belakang Tanjung Malim. (di capai pada 10 November 2011). <http://www.mdtm.gov.my/web/guest/latarbelakang>
- Mohamad Suhaily dan Mazdi. (2003). 'Impak Pembangunan Terhadap Alam Sekitar di Tanjung Malim, Perak', dalam e-wacana UPSI. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Newsome, D., Moore, S. A., et al. (2004). Natural Area Tourism : Ecology, Impacts and Management. Canada, Cromwell Press
- Paul,B. and Simon,. H. (2003). Emergence of Mountain-Based adventure Tourism.Annals of Tourism Research.30, No. 3, pp. 625-643.
- Page, S.J., Steele, W. and Connel, J. (2006). Analyzing the promotion of adventure tourism : A case study of Scotland. Journal of Sport and Tourism.11, No. 1, pp. 51-76.
- Swarbrooke, J., Beard, C., Leckie, S., & Pomfret, G. (2003). Adventure tourism: The new frontier. Oxford: Butterworth Heinemann.
- Taylor, S. J., & Bogdan, R. (1998). Introduction to qualitative research methods (3rd ed.). New York: John Wiley Publications.
- Tourism Malaysia (2011). 'Malaysia Tourism: Statistics'. (di capai pada 23 September 2011). <http://www.tourism.gov.my/statistic/default.asp>
- Utusan Malaysia. (2011). 37 Projek dijangka majukan Tanjung Malim. Arkib akhbar Utusan Malaysia Online, (di capai pada 15 Mac 2011). [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0315&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Utara&pg=wu\\_05.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0315&pub=Utusan_Malaysia&sec=Utara&pg=wu_05.htm)
- World Tourism Organization (2011) Facts & figure: Information analysis and know-how (di capai pada 11 November 2011). <http://www.Unwto.Org/Facts/Menu.Html>.
- Xola Consulting Inc. (2007). New adventure tourism industry research reveals destination, traveler, technology trends. Santa Fe. Press Release.
- Yahaya Ibrahim. (2008). Pembangunan pelancongan dan perubahan komuniti. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.